

Pengenalan "UNTUNG"

Menurut Kamus Dewan	Hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu kegiatan seperti perusahaan, perniagaan yang melebihi modal serta segala perbelanjaan yang berkaitan.
Menurut Kamus Harrap's Dictionary Of Business Finance	Untung bermaksud lebihan wang yang diperolehi oleh firma atau perusahaan selepas semua perbelanjaan diselesaikan dalam satu tempoh pengiraan sesuatu akaun.
Bahasa Indonesia	Sinonim dengan perkataan laba
Bahsa Inggeris	Profit
Ekonomi	Sejumlah bayaran kepada faktor-faktor pengeluaran setelah ditolak daripada pendapatan bagi hasil keluaran sesebuah syarikat.

Untung Menurut Perspektif Islam

Untung dalam Bahasa Arab yang berasal daripada perkataan rabiha	Rabiha membawa maksud pertambahan atau pertumbuhan dalam kegiatan perniagaan
Istilah	Lebihan dan pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada dua hasil pengeluaran utama iaitu usaha (al-amal) dan modal(ra'sul mal)

Untung Menurut Perspektif Islam (cont)

Surah Al-Baqarah ayat -16	"Mereka itulah orang yang memberi kesesatan dengan petunjuk,maka tidak beruntunglah perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk."
Pandangan Imam Al-Tabari	-Nilai pertukaran yang kurang daripada harga beliannya maka ia dianggap rugi.Untung wujud ketika mana berlakunya pertukaran antara harga dengan barang sama ada nilai tukaran itu sama ataupun melebihi harga belian tersebut.
Pandangan Al-Nisaburi,Imam Al-Alusi	-Keuntungan adalah suatu tambahan ke atas modal dan perniagaan pula ialah suatu usaha untuk mendapatkan lebihan melalui modal.
Pandangan Al-Qurtubi	Maksud untung perniagaan dalam surah al-baqarah di atas adalah merujuk kepada kebiasaan orang Arab yang sering mengungkapkan ayat rabaha bai'uka atau khasarat safaqtuka yang bermaksud "kamu mendapat keuntungan dan kerugian dalam jual beli kamu"

Untung Menurut Perspektif Islam (cont)

Pandangan Rashid Rida(Tafsir Al-Manar)	Orang-orang munafik lebih suka memilih kesesatan daripada kebenaran untuk mencipta keuntungan daripada orang lain melalui kaedah pertukaran antara kedua-dua pihak untuk mendapatkan keuntungan.
--	--

Menurut Para Fuqaha'

Pengertian Keuntungan	Zakat dan Al-Murabahah
Zakat	Keuntungan merupakan pertambahan ke atas modal dan ditinjau dari segi harta yang diwajibkan zakat
Imam Al-Mawardi	Zakat dikenakan ke atas harta yang berkembang
Ibn Qudamah	Harta yang berpotensi untuk berkembang merupakan barang perniagaan yang ada potensi untuk dapat untung,haiwan dan juga buah-buahan.
Al-Kasani	Takkan diperoleh kecuali dengan harta yang berkembang.
Al-Murabahah	Kontrak jual beli dengan harga pertama beserta tambahan keuntungan yang telah ditentukan.
Imam Malik	Untung dianggap sebagai berlaku sama ada sesuatu harta itu dicairkan atau tidak.
Dr Muhammad Salah	Untung merupakan matlamat asasi bagi firma untuk melibatkan proses penjanjana untung seperti jual beli.

Menurut Para Fuqaha' (cont)

Ibnu Khaldun(bapa ekonomi)	Untung ialah nilai yang timbul hasil daripada kerja yang dilakukan oleh manusia.
Untung perniagaan	Usaha mewujudkan pertambahan harta dengan membeli barang murah lalu menjualkannya dengan harga yang mahal.
Ahli Ekonomi Islam	Untung sebagai apa yang ditentukan dalam keadaan biasa dan sederhana berdasarkan hukum penawaran dan permintaan dalam pasaran bebas dengan syarat undang-undang negara.

Pendekatan Fuqaha':Pembahagian Keuntungan

Para fuqaha'membahagikan keuntungan ini kepada dua bentuk iaitu yang pertama ialah al-ghabn al-fahisy dan kedua al-ghabn al-yasir.Maka dengan itu, terdapat dua pendekatan yang mana ulama fiqh berbeza pendapat dalam menentukan ukuran bagi membezakan antara keduanya.Pendekatan pertama mereka menggunakan ukuran tetap manakala pendekatan kedua pula mereka menggunakan ukuran yang fleksibel.

Pendekatan pertama:ukuran yang tetap

Para Ulama	Mereka membezakan 2 bentuk keuntungan dengan meletakkan kadar nisbah ataupun kadar yang tetap
Al-Khanjradi (dari golongan Hanafi)	Al-Ghabn Al-Fahisy adalah pada takat melebihi nisf al-usyur,manakala al-ghabn al-yasir pula tidak melebihi (nis al-usyur)ataupun tepat pada kadar nilf-al usyur.

Pendekatan pertama:ukuran yang tetap (cont)

Ibnu Yahya Al-Bakhi	Al-Ghabn pada barang pernia-usyur, pada haiwan adalah al-usyur iaitu satu persepuluhan(1/10)dan pada barang tak alih pula ialah satu perlima(1/5).
Golongan Syafi'iie	Al-Ghabn Al-Fahisy berlaku ketika mana kadar keuntungan yang diambil ialah melebihi al-thuluth atau satu per tiga(1/3).
Golongan Hanbali	Al-Ghabn -Al-Fahisy adalah pada kadar al-thuluth atau satu pertiga(1/3),atau sudus iaitu satu per enam(1/6).
Al-Mardawi	Melebihkan seperti mana sebahagian yang lain pada kadar satu per empat(1/4).
Golongan Ibadiyyah	Menetapkan kadar al-thuluth satu pertiga(1/3)atau lebih dalam menganggap sesuatu lebihan yang wujud dalam urus niaga al-ghabn al-fahisy.

Pendekatan Kedua :Ukuran Yang Fleksibel

Ibnu Abidin	Suatu nisbah (keuntungan) yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pihak pentaksiran,tetapi sekiranya kadar taksiran lebih maka keuntungan dianggap al-ghabn al-fahisy.
-------------	--

Pendekatan Kedua :Ukuran Yang Fleksibel (cont)

Sebahagian daripada Ulama'	Memberi pilihan jika berlakunya al-ghabn al-fahisy dan ada yang mengatakan tiada had tertentu tetapi mengikut tradisi atau kebiasaan sesama peniaga.
Al-Mardawi	Nisbah Al-Ghabn atau keuntungan perlu mengambil kira al-uruf semasa(kebiasaan) dan bersesuaian dengan tahap masalah yang dihadapi

Kesimpulan

Secara kesimpulannya,keuntungan sama ada dalam ekonomi konvensional maupun Islam sentiasa berubah dari semasa ke semasa bagi memenuhi matlamat yang satu iaitu untuk keperluan manusia keseluruhan.Untung yang diiktiraf oleh Islam ialah untung yang bebas daripada unsur-unsur haram seperti riba,ghabn,gharar dan ihtikar.Oleh itu,umat islam perlu berusaha untuk memperoleh keuntungan dan bebas dariipda unsur -unsur yang disebutkan di atas.

Pendekatan pertama:ukuran yang tetap

Para Ulama	Mereka membezakan 2 bentuk keuntungan dengan meletakkan kadar nisbah ataupun kadar yang tetap
Al-Khanjradi (dari golongan Hanafi)	Al-Ghabn Al-Fahisy adalah pada takat melebihi nisf al-usyur,manakala al-ghabn al-yasir pula tidak melebihi (nis al-usyur)ataupun tepat pada kadar nilf-al usyur.



By **fahana syamira**
cheatography.com/farhana-syamira/

Not published yet.
Last updated 9th July, 2020.
Page 2 of 2.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
<http://crosswordcheats.com>